

# Genap 56 tahun PM, sambutan mengejut di jamuan teh

**KUALA LUMPUR.** Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merayakan hari lahirnya ke-56 secara mengejut petang ini ketika beliau dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah menghadiri majlis jamuan teh anjuran Kongres Kaum Ceylon Malaysia, di sini.

Dengan diiringi nyanyian lagu 'Selamat Hari Lahir', Perdana Menteri menup lilin dan memotong sebuah kek yang disediakan oleh masyarakat Ceylon tempatan.

## Peranan

Datin Seri Dr. Siti Hasmah kemudian menyuapkan sepotong kek kepada beliau dan disambut dengan tepukan gemuruh kira-kira 500 orang yang hadir.

Terdahulu dari itu, ketika berucap kepada mereka, Perdana Menteri menyeru kaum minoriti di negara ini bekerjasama dan bersatu padu dengan lain-lain keturunan majoriti bagi menjamin perpaduan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, kaum minoriti tidak harus merasa diri mereka terencil tetapi sebaliknya hendaklah bangga dengan sedikit-sebanyak peranan dan tanggungjawab yang mereka berikan kepada negara.

Kepada kaum Ceylon di negara ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menggesa mereka meneruskan usaha dan peranan membantu Kerajaan membangunkan Malaysia.

Menurutnya, mereka tidak harus merasa kecewa kerana tidak dapat melibatkan kaum mereka secara penuh di bidang politik.

"Sebaliknya, kaum Ceylon di negara ini boleh terus memberi sumbangan dalam berbagai bidang lain termasuk bidang profesional seperti perubatan dan perkhidmatan", ujar.

Perdana Menteri berkata, perpaduan kaum dan kemajuan negara bergantung kepada peranan setiap rakyat tanpa mengira kecil atau besar keturunan mereka.

Beliau berharap masyarakat Ceylon dan lain-lain kaum minoriti akan terus memainkan peranan dan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia